

BERITA HARIAN

DATE: 30/11/2007

Malaysia letak 2 prasyarat tamatkan krisis Asia Barat

Abdullah minta Israel, Palestin henti serangan, sanggup berunding

Oleh Amin Ridzuan Ishak

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menggariskan dua prasyarat yang mesti dipatuhi Israel dan Palestin sebelum sebarang usaha damai yang dilaksanakan, mempunyai peluang untuk menamatkan konflik yang dihadapi mereka.

Perdana Menteri berkata, dua prasyarat itu ialah kepemimpinan Israel dan Palestin mesti berusaha menghentikan serangan keganasan atau pencerobohan serta sanggup duduk di meja rundingan tanpa meletakkan sebarang syarat.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, hanya jika kedua-dua negara itu sanggup berbuat demikian, barulah usaha terbaru untuk menyelesaikan konflik Asia Barat mempunyai harapan untuk selesai menjelang akhir tahun depan.

"Kita percaya bahawa sebarang tindakan keganasan atau pencerobohan, walaupun atas alasan untuk per-

tahanan tidak akan menyumbang secara positif kepada sebarang usaha rundingan menuju proses damai.

"Malaysia juga mahu supaya tiada lagi sebarang tindakan keganasan atau pencerobohan menyebabkan banyak nyawa terkorban serta keharmonian terganggu diulang lagi, terutama oleh rejim Israel.

"Tindakan seperti itu akan hanya menimbulkan pelbagai emosi yang boleh menjejaskan proses damai dan akhirnya keganasan akan kembali mewarnai konflik di wilayah itu," katanya dalam perutusan sempena Hari Perpaduan Antarabangsa dengan Rakyat Palestin, semalam.

Perutusan Abdullah dibacakan Timbalan Menteri Luar, Datuk Joseph Salang pada majlis sambutan itu di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di sini. Hari Perpaduan itu dipilih Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1977 bagi memperingati penderitaan rakyat Palestin.

Antara lain, ia menekankan perlunya mencapai penyelesaian adil ter-

hadap perjuangan rakyat Palestin berdasarkan prinsip hak menentukan nasib sendiri, menamatkan pendudukan Israel dan akhirnya menubuhkan Palestin merdeka dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara.

Sambutan kali ini jatuh dua hari selepas persidangan keamanan Asia Barat diadakan di Annapolis, Maryland, Amerika Syarikat yang memutuskan untuk memulakan semula rundingan bagi memeterai perjanjian damai menjelang akhir tahun depan.

Keputusan itu dicapai hasil perbincangan 44 negara dan mengikut perancangan awal, rundingan pertama akan bermula pada 12 Disember dengan Presiden George W Bush, memberi komitmen penuh untuk mewujudkan negara Palestin merdeka.

Abdullah berkata, pihak bertelagah, khususnya Israel juga tidak seharusnya meletakkan sebarang syarat untuk kembali ke meja rundingan kerana pelbagai konflik akan timbul jika ia tidak dipersetujui.

"Peluang mencari usaha damai ini

seharusnya tidak dilepaskan begitu saja dan mesti ada kejujuran di kedua-dua belah pihak untuk mencari penyelesaian kepada krisis yang bukan saja membeli implikasi kurang sihat kepada Asia Barat, malah juga dunia amnya," katanya.

Beliau berkata, konflik Israel-Palestin masih menjadi isu utama menyebabkan ketegangan berterusan antara dunia Barat dan Islam dan usaha merapatkan jurang itu perlu memberi keutamaan kepada penyelesaian masalah di Asia Barat.

"Mengabaikan fakta penting dalam isu Palestin secara jelas menafikan kebenaran dan membawa kepada kegagalan dalam mencari penyelesaian terhadap pertembungan tamadun yang kini dihadapi kita," katanya.

Abdullah menegaskan, banyak perbuatan ganas dan ketenteraan di Asia Barat serta seluruh dunia akan berkurangan jika isu utama dalam konflik Israel-Palestin dapat diselesaikan, tetapi pelbagai usaha sebelum ini gagal kerana pihak menganjurkan rundingan damai tidak amanah.